



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
PENGERUSI CIDB MALAYSIA**

**SEMPENA:
MAJLIS GRADUASI KE-12
ABM & CIDB TECHNOLOGIES WILAYAH SABAH 2026**

**BERTEMPAT DI:
GRAND BALLROOM, HOTEL SHERATON, KOTA KINABALU,
SABAH**

**PADA:
14 MEI 2026 (KHAMIS)**

**Bismillahirrahmanirrahim,
Terima kasih Pengacara Majlis.**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera,
Salam Malaysia MADANI dan Salam Sabah Maju Jaya.**

Yang Berusaha, Encik Suhaimi Bin Mansor
Pengurus Besar Kanan, CIDB Malaysia

Yang Berusaha, Sr Ahmad Farrin Bin Mokhtar
Pengurus Besar Kanan, CIDB Malaysia

Yang Berusaha, Encik Nazri Bin Zakaria
Pengarah, CIDB Negeri Sabah

Yang Berusaha, Puan Marina Binti Puteh
Pengurus Besar, CIDB Malaysia

Yang Berusaha, Encik Mohd Azizi Bin Ali
Ketua Pegawai Eksekutif, CIDB Holdings

Yang Berbahagia Datuk Ir.Peter Chu
Ahli Lembaga Pengarah ABM Wilayah Sabah

Yang Berusaha Encik Frazer Bin Duing
Ahli Lembaga Pengarah ABM Wilayah Sabah

Yang Berusaha, Encik Mohd Hafiz Bin Dasahi

Ketua Pegawai Eksekutif, CIDB Technologies

Pengurusan Tertinggi CIDB Malaysia,

Dif-dif jemputan dari Kementerian, Agensi Kerajaan dan Institusi Latihan TVET,

Rakan-Rakan Kerjasama Strategik Industri Pembinaan,

Para Graduan TVET Pembinaan Yang Kompeten,

Ibu bapa Dan Ahli Keluarga Yang Dikasihi,

Seterusnya, sidang hadirin yang saya muliakan.

PEMBUKAAN

1. Apabila saya berdiri di hadapan para graduan pada hari ini, saya tidak hanya melihat wajah-wajah muda yang penuh semangat. Saya melihat bakal pembina masa depan negara. Saya melihat anak-anak Sabah yang akan memainkan peranan penting dalam membangunkan negeri ini dan menyumbang kepada kemajuan Malaysia.
2. Majlis Graduasi Ke-12 ABM dan CIDB Technologies Wilayah Sabah bukan sekadar satu majlis penyampaian sijil. Ia merupakan pengiktirafan terhadap usaha, disiplin dan ketekunan para graduan, serta bukti bahawa negara kita mempunyai tenaga kerja mahir yang kompeten, bersedia dan bangga dengan pilihan kerjaya mereka.
3. Lebih penting lagi, majlis ini mencerminkan komitmen berterusan CIDB Malaysia dalam membangunkan modal insan negara melalui tindakan yang nyata, terancang dan berimpak tinggi.

TVET PEMBINAAN SEBAGAI PEMACU PEMBANGUNAN NEGARA

Hadirin yang dihormati,

4. Industri pembinaan merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, pembangunan infrastruktur dan kesejahteraan rakyat.
5. Seiring dengan perkembangan ekonomi, permintaan terhadap tenaga kerja mahir di dalam TVET pembinaan terus meningkat, khususnya dalam bidang teknikal dan kemahiran khusus.
6. Bagi memenuhi keperluan ini, CIDB Malaysia melalui Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan CIDB Technologies secara konsisten melahirkan tenaga kerja mahir yang berkualiti dan berdaya saing.
7. Berlandaskan visi “CIDB Peneraju TVET Pembinaan”, kami komited memperkukuh ekosistem latihan kemahiran yang berkualiti, relevan dengan keperluan industri dan mampu memenuhi aspirasi pembangunan negara.

KEBOLEHPASARAN GRADUAN

8. Salah satu ukuran paling penting bagi kejayaan sesuatu program latihan ialah kebolehpasaran graduannya.
9. Dalam bidang TVET Pembinaan, kadar kebolehpasaran graduan amat membanggakan, dengan 94 peratus graduan berjaya memperoleh pekerjaan selepas tamat latihan.

10. Ramai graduan diserap terus ke dalam industri, sama ada bersama kontraktor G1 hingga G7, syarikat pembinaan, sektor minyak dan gas, mahupun projek-projek kerajaan dan swasta.
11. Ini membuktikan bahawa latihan yang diberikan benar-benar memenuhi keperluan sebenar industri dan membuka laluan kerjaya yang stabil dan berpendapatan baik.

KOMITMEN CIDB MEMPERKASA TVET DI SABAH

Hadirin sekalian,

12. Sabah merupakan negeri yang mempunyai potensi besar dalam sektor pembinaan, tenaga, pelancongan dan pembangunan infrastruktur.
13. Selaras dengan aspirasi Sabah Maju Jaya, CIDB Malaysia sedang membangunkan kampus baharu Akademi Binaan Malaysia Wilayah Sabah di Beringgis, Papar. Projek bernilai RM130.6 juta ini bakal menjadi kampus ABM paling moden dan terbesar di Malaysia.
14. Dibangunkan berasaskan konsep ekokampus, ia akan dilengkapi dengan blok akademik, bengkel moden, asrama, kompleks sukan, surau serta kemudahan pembelajaran digital dan teknologi terkini.
15. Kampus ini mampu menampung sehingga 700 pelatih pada satu-satu masa, sekali gus meningkatkan kapasiti latihan belia sebanyak 73 peratus dan personel binaan sebanyak 39 peratus berbanding kampus sedia ada di Kayu Madang.

16. Pelaburan ini mencerminkan keyakinan kami terhadap potensi anak-anak Sabah dan komitmen kami untuk memastikan pembangunan ekonomi negeri ini dipacu oleh bakat tempatan yang berkemahiran tinggi.

BIDANG KEMAHIRAN BERIMPAK TINGGI

17. Industri pembinaan di Sabah menunjukkan permintaan yang tinggi terhadap tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang kritikal. Antara bidang yang mendapat permintaan tinggi termasuk pemasangan perancah, kimpalan, operasi jentera dan kren, serta kerja-kerja mekanikal dan elektrik seperti penghawa dingin dan penyelenggaraan peralatan.
18. Bidang kemahiran ini turut diperlukan di dalam industri minyak dan gas, penyelenggaraan fasiliti dan pelbagai sektor teknikal lain.
19. Ini bermakna para graduan mempunyai peluang kerjaya yang luas, sama ada di Sabah, di seluruh Malaysia, mahupun di peringkat antarabangsa.

IKON TVET PEMBINAAN

Para graduan yang diraikan,

20. Pada hari ini, kita bukan sahaja meraikan kejayaan graduan, tetapi turut memberi pengiktirafan kepada individu yang membuktikan

bahawa laluan TVET mampu mengubah kehidupan mereka. Untuk tujuan ini, CIDB telah memperkenalkan anugerah IKON TVET Pembinaan pada setiap Majlis Graduasi ABM yang diadakan.

21. Anugerah Ikon TVET ini diwujudkan bukan sahaja untuk menghargai hasil usaha dan pencapaian graduan TVET pembinaan yang cemerlang dan berjaya di dalam kerjaya mereka. Ia juga diadakan bagi memberi inspirasi kepada para graduan di dalam bidang TVET Pembinaan yang lain untuk terus mengejar impian mereka dan berjaya di dalam kerjaya yang di cita-citakan.

Para hadirin sekalian, izinkan saya membaca serba sedikit berkenaan dua orang Ikon TVET Pembinaan yang akan kita nobatkan pada hari ini.

22. Pertama, Saudara Syahril Mohd Ariffin. Beliau merupakan lepasan ABM Wilayah Sabah di dalam bidang *Architectural Drafting*. Kini berkhidmat sebagai Civil and Structure Inspector di Petronas.
23. Kedua, Saudara Richard Bin Jupilin, seorang alumni CIDB Technologies Sabah. Berbekalkan sijil SKKP di dalam bidang *Blasting & Painting* serta *Welding*, beliau berjaya membina kerjaya di peringkat antarabangsa dengan berkhidmat di dalam industri offshore di Sepanyol dan Dubai.
24. Kisah kedua-dua ikon ini membuktikan bahawa TVET Pembinaan bukan lagi boleh dilihat sebagai pilihan kedua. Ia sebenarnya adalah laluan kerjaya yang bernilai tinggi, dihormati dan mampu membuka peluang tanpa sempadan.

KERJASAMA STRATEGIK INDUSTRI

Para hadirin sekalian,

25. Pada majlis ini juga, CIDB Malaysia akan menyampaikan sijil penghargaan kepada lapan syarikat rakan strategik industri atas komitmen mereka menyediakan peluang latihan industri dan pengalaman on-the-job training kepada para pelatih.
26. Kerjasama erat antara institusi latihan dan industri merupakan faktor utama kejayaan pembangunan tenaga kerja mahir negara yang dilaksanakan oleh ABM dan CIDB Technologies.
27. Justeru itu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua rakan industri yang terus memberi kepercayaan kepada graduan TVET Pembinaan.

PENUTUP

Para graduan yang saya banggakan,

28. Hari ini menandakan berakhirnya satu fasa penting dalam hidup anda, tetapi pada masa yang sama membuka lembaran baharu yang lebih mencabar dan penuh peluang.
29. Dunia pembinaan sedang menanti kehadiran anda.
30. Sabah memerlukan anda. Malaysia memerlukan anda.

31. Jadilah tenaga kerja mahir yang berintegriti, berdisiplin, berdaya tahan dan sentiasa bersedia menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi dan perubahan industri.
32. Kepada ibu bapa dan ahli keluarga, tahniah dan terima kasih atas segala pengorbanan serta sokongan yang telah diberikan. Kejayaan para graduan hari ini adalah kejayaan kita bersama.
33. Kepada para belia di luar sana yang masih mencari haluan hidup, rebutlah peluang dalam TVET Pembinaan. Ini adalah laluan kerjaya yang stabil, berpendapatan tinggi dan mempunyai masa depan yang cerah.
34. Dengan ucapan itu, dan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Graduasi Ke-12 ABM dan CIDB Technologies Wilayah Sabah Tahun 2026.

Sekian, terima kasih.